

# UMPSA tubuh Pusat Latihan Rel bagi perkasa bidang kejuruteraan dan teknologi rel

Oleh [Asrol Awang](#) - Disember 11, 2023 @ 3:50pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Naib Canselor UMPSA, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin (kiri) menerima sumbangan replika cek dan kerjasama strategik bagi penubuhan Pusat Latihan Rel UMPSA yang disampaikan Presiden Liuzhou Railway Vocational Technical College, Qin Haibo (kanan) sambil disaksikan Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail (tiga dari kiri). - Foto UMPSA

KUANTAN: Kolaborasi strategik Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dan Liuzhou Railway Vocational Technical College (LZRVTC) menyaksikan penubuhan Pusat Latihan Rel UMPSA.

Penubuhan pusat itu dalam memperkasa bidang kejuruteraan dan teknologi rel yang menyokong agenda pemerkasaan Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara.

LZRVTC adalah institusi pengajian di Guangxi, China yang berasaskan kemahiran berfokus kepada bidang teknologi dan kejuruteraan rel serta menjadi pusat rujukan bagi industri rel di selatan negara China.

Berlangsung hari ini, majlis penyerahan replika cek bernilai RM5.6 juta bagi pendidikan berkaitan rel membabitkan perisian program, modul latihan dan lain-lain untuk manfaat pelajar.

Pada majlis itu, Naib Canselor UMPSA, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin hadir menerima sumbangan replika cek dan kerjasama strategik bagi penubuhan Pusat Latihan Rel UMPSA disampaikan Presiden LZRVTC, Qin Haibo yang disaksikan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Turut sama hadir Pengerusi Lembaga Pengarah UMPSA, Datuk Seri Abdul Razak Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Datuk Seri Darwis Abdul Razak, Timbalan Pengarah Jabatan Pendidikan Guangxi Zhang China, Wu Jinchang.

Sementara itu, Dr Yuserrie berkata, UMPSA mempunyai kolaborasi dengan MRL dan China Communications Construction Company Ltd. (CCCC) dalam Program Latihan Kemahiran Industri Projek Laluan Rel Pantai Timur (PLKI-ECRL) bermula pada 2017 hingga 2022 dan disambung bagi tempoh lima tahun lagi sehingga 2027.

"Malah UMPSA turut berkolaborasi dengan Beijing Jiaotong University (BJTU) China bagi Program Ijazah Dual membabitkan bidang Kejuruteraan Awam, Mekanikal dan Elektrikal.

"Kolaborasi ini juga memberi peluang kepada dua pihak meneroka potensi dalam projek ECRL antaranya penyediaan modul latihan pengoperasian dan penyelenggaraan rel.

"Selain itu kerjasama akademik dalam bentuk pensijilan terbuka dalam bidang ini sebagai nilai tambah terhadap kebolehpasaran graduan bergaji premium," katanya.